

**IMPAK PELABURAN DAN PERBELANJAAN KERAJAAN  
TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI:  
KAJIAN KES NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA 1980 – 2005**

**FAUZI BIN HUSSIN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2009**



**IMPAK PELABURAN DAN PERBELANJAAN KERAJAAN  
TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI:  
KAJIAN KES NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA 1980 – 2005**

**Oleh**

**FAUZI BIN HUSSIN**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi Ijazah  
Doktor Falsafah**

**April 2009**

## PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Allah swt kerana dengan izinNya maka saya dapat menyiapkan tesis ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada penyelia utama, Dr. Ku 'Azam bin Tuan Lonik dan penyelia kedua, Dr. Mohamad Zaini bin Omar kerana sentiasa bersedia untuk membimbing saya sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga kepada para pensyarah di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, USM terutamanya kepada PM. Dr. Rahman bin Othman kerana memberi tunjuk ajar tentang Kaedah Penyelidikan dan analisis statistik menggunakan pakej SPSS. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada pensyarah yang mengajar kursus *Applied Econometrics* iaitu Dr. Lean Hooi Hoi, Dr. Normee Che Sab, dan PM. Dr. Chan Huan Chiang kerana membenarkan saya mengikuti kuliah tersebut, seterusnya membolehkan saya memahami lebih mendalam analisis statistik menggunakan pakej *Eviews*.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Utara Malaysia kerana memberi biasiswa serta meluluskan perlanjutan tempoh pengajian saya.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri, Nasaroh bt. Mat Nor di atas pengorbanan dan kesabarannya dalam menguruskan rumahtangga dan anak-anak sepanjang tempoh empat tahun pengajian saya di sini.

## JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
ABSTRAK (Bahasa Malaysia)	xi
ABSTRAK (Bahasa Inggeris)	xii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1 - 17</b>
1.0 Latar Belakang	1
1.1 Pernyataan Masalah	2
1.2 Kepentingan Kajian	6
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Soalan Kajian	9
1.5 Hipotesis Kajian	11
1.6 Konsep/Istilah	12
1.7 Organisasi Kajian	15
<b>BAB 2 PENDEKATAN TEORI DAN SOROTAN LITERATUR</b>	<b>18 - 79</b>
2.0 Pengenalan	18
2.1 SOROTAN LITERATUR	18
2.1.1 Hubungan Perbelanjaan Kerajaan dan Pertumbuhan Ekonomi	18
2.1.2 Hubungan Pelaburan dan Pertumbuhan Ekonomi	32
2.1.3 Hubungan Modal Manusia dan Pertumbuhan Ekonomi	45
2.2 PENDEKATAN TEORI	60
2.2.1 Teori-Teori Berkaitan Pertumbuhan Ekonomi	60

2.2.2	Model Pertumbuhan Harrod-Domar	63
2.2.3	Teori Pertumbuhan Neo-Klasik	69
2.2.3 (a)	Pertumbuhan Mampan	72
2.2.3 (b)	Sumber Pertumbuhan dalam Model Neo-Klasik	77
<b>BAB 3</b>	<b>PERTUMBUHAN EKONOMI DAN PELABURAN DI MALAYSIA</b>	<b>80 - 119</b>
3.1	Pengenalan	80
3.2	PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA	81
3.2.1	Konsep Pertumbuhan Ekonomi	81
3.2.1	Pengukuran Pertumbuhan Ekonomi	83
3.2.3	Penentu-Penentu Pertumbuhan Ekonomi	85
3.2.4	Pertumbuhan Ekonomi Negeri-negeri	89
3.2.5	Pertumbuhan KDNK Negeri Sarawak dan Sabah	103
3.3	PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI	106
3.4	PELABURAN DI MALAYSIA	108
3.4.1	Kepentingan Modal Asing	108
3.4.2	Aliran Pelaburan Asing di Malaysia	111
<b>BAB 4</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>120-174</b>
4.0	Pengenalan	120
4.1	Pernyataan Hipotesis	120
4.2	Teknik Statistik	122
4.2.1	Analisis Korelasi	125
4.2.2	Analisis Regresi	126
4.2.3	Ujian kointegrasi	131
4.2.4	Ujian Sebab-Akibat Granger	134
4.2.5	Model Pembetulan Ralat (ECM)	135
4.2.6	Model Vektor Autoregresi (VAR)	136
4.2.7	Analisis Penguraian Varians	139
4.2.8	Analisis Regresi bagi Data Panel	140

4.2.8 (a) Model Kesan Tetap	142
4.2.8 (b) Model Kesan Rawak	148
4.3 Ujian Kepegunan Data	150
4.3.1 Ujian Punca Unit	151
4.4 Kriteria Panjang Lat	154
4.4.1 Kriteria Maklumat Akaike (AIC)	154
4.4.2 Ralat Ramalan Akhir (FPE)	155
4.4.3 Kriteria Schmartz (SC)	155
4.5 Diagnosis Model	155
4.5.1 Ujian Kenormalan	156
4.5.2 Masalah Autokorelasi	157
4.5.2 (a) Ujian Durbin-Watson	158
4.5.3 Masalah Heteroskedastisiti	161
4.5.4 Masalah Multikolineariti	163
4.6 Model Ekonometrik	164
4.7 Data dan Sumber Data	171
<b>BAB 5 ANALISIS DESKRIPTIF, KORELASI, REGRESI DAN UJIAN KEPEGUNAN</b>	<b>175-214</b>
5.0 Pengenalan	175
5.1 Analisis Deskriptif	175
5.2 Plot Siri Masa	179
5.3 Analisis Korelasi	194
5.4 Analisis Regresi	201
5.5 Ujian Dickey-Fuller Tambahan dan Ujian Phillip-Perron	211
<b>BAB 6 ANALISIS KOINTEGRASI DAN HUBUNGAN SEBAB-AKIBAT</b>	<b>215-264</b>
6.0 Pengenalan	215
6.1 Penentuan Panjang Lat	216
6.2 Ujian Kointegrasi dan Sebab-Akibat Granger bagi Negeri Maju	219

6.2.1	Analisis Penguraian Varians Negeri Lebih Maju	239
6.3	Ujian Kointegrasi dan Sebab-Akibat Granger bagi Negeri Kurang Maju	242
6.3.1	Analisis Penguraian Varians Negeri Kurang Maju	262
<b>BAB 7</b>	<b>ANALISIS DATA PANEL</b>	<b>265-285</b>
7.0	Pengenalan	265
7.1	ANALISIS DATA PANEL	266
7.1.1	Model Biasa	266
7.1.2	Model Kesan Tetap	269
7.1.2 (a)	Perbandingan Negeri Lebih Maju dan Negeri Kurang Maju	269
7.1.2 (b)	Perbandingan Negeri KDNK Lebih Tinggi dan Negeri KDNK Lebih Rendah	276
7.1.2 (c)	Impak Modal Manusia bagi Negeri Lebih Maju dan Negeri Kurang Maju	278
7.1.2 (d)	Impak Modal Manusia bagi Negeri KDNK Lebih Tinggi dan Negeri KDNK Lebih Rendah	279
7.1.3	Analisis Faktor Masa bagi Model Kesan Tetap	281
7.1.4	Model Kesan Rawak	282
7.1.4 (a)	Perbandingan Negeri Lebih Maju dan Negeri Kurang Maju	283
7.2	Kesimpulan	284
<b>BAB 8</b>	<b>KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>286-311</b>
8.0	Pengenalan	286
8.1	Ringkasan Dapatan Kajian	286
8.1.1	Ringkasan Dapatan daripada Analisis Korelasi	287
8.1.2	Ringkasan Dapatan daripada Analisis Regresi Berganda	288
8.1.3	Ringkasan Dapatan daripada Analisis Kointegrasi	290
8.1.4	Ringkasan Dapatan daripada Ujian Sebab-Akibat Granger	291
8.1.5	Ringkasan Dapatan daripada Analisis Data Panel	292
8.2	Respons Ringkas kepada Soalan Kajian	295



8.3	Implikasi Dasar	299
	8.3.1 Dasar Menggalakkan Pelaburan	299
	8.3.2 Mengurangkan Jurang Ekonomi Antara Wilayah	301
	8.3.3 Peranan Kerajaan Negeri Secara Individu	304
	8.3.4 Modal Manusia	306
8.3	Cadangan Kajian Akan Datang	307
8.4	Batasan Kajian	309
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>312-329</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Hubungan perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan ekonomi	32
Jadual 2.2	Hubungan antara pelaburan dan pertumbuhan ekonomi	45
Jadual 2.3	Beberapa ukuran modal manusia oleh penyelidik terdahulu	59
Jadual 3.1	Nilai output kasar (GVO) industri pembuatan mengikut Negeri: 1999 - 2004	92
Jadual 3.2	Pertumbuhan KDNK mengikut Negeri: 2001 -2010	96
Jadual 3.3	Indeks Komposit Pembangunan mengikut negeri, 2005	97
Jadual 3.4	KDNK nominal purata dan kadar pertumbuhan Purata KDNK	98
Jadual 3.5	Perbandingan KDNK nominal purata dan KDNK per kapita nominal purata negeri-negeri	99
Jadual 3.6	Sumbangan sektor ekonomi terhadap KDNK negeri Sarawak 2001 - 2005	104
Jadual 3.7	Sumbangan sektor ekonomi terhadap KDNK negeri Sabah	105
Jadual 3.8	Jumlah dan purata perbelanjaan pembangunan negeri-negeri	107
Jadual 3.9	Nilai pelaburan langsung asing dan pelaburan domestik	112
Jadual 3.10	Jumlah pelaburan mengikut Rancangan Malaysia (RMK)	115
Jadual 3.11	Jumlah FDI dan nisbah FDI kepada purata negara: 1980 - 2005	116
Jadual 3.12	Jumlah pelaburan domestik dan nisbah pelaburan domestik kepada purata negara: 1980-2005	117
Jadual 4.1	Ringkasan bagi persoalan kajian, hipotesis dan ujian statistik yang akan dijalankan	124
Jadual 4.2	Nilai pekali statistik Durbin-Watson	160
Jadual 4.2	Ujian Durbin-Watson: Peraturan keputusan	161
Jadual 5.1	Perubahan tahunan bagi KDNK nominal, FDI, DI dan DEV 1980 - 2005	176
Jadual 5.2	Ujian kenormalan	178
Jadual 5.3	Korelasi antara pembolehubah GDP, FDI, DI dan DEV bagi kumpulan negeri lebih maju	194

Jadual 5.4	Korelasi antara pembolehubah GDP, FDI, DI dan DEV bagi kumpulan negeri kurang maju	197
Jadual 5.5	Analisis regresi berganda bagi kumpulan negeri lebih maju	201
Jadual 5.6	Analisis regresi berganda bagi kumpulan negeri kurang maju	208
Jadual 5.7	Ujian ADF dan ujian PP bagi kumpulan negeri lebih maju	212
Jadual 5.8	Ujian ADF dan ujian PP bagi kumpulan negeri kurang maju	213
Jadual 6.1	Kriteria pemilihan susunan lat bagi kumpulan negeri lebih maju dan kurang maju	218
Jadual 6.2	Ujian kointegrasi Johansen bagi negeri Selangor	220
Jadual 6.3	Model Pembetulan Ralat bagi negeri Selangor	222
Jadual 6.4	Analisis sebab-akibat Granger bagi negeri Selangor	223
Jadual 6.5	Ujian kointegrasi Johansen bagi negeri Pulau Pinang	224
Jadual 6.6	Model Pembetulan Ralat bagi Pulau Pinang	225
Jadual 6.7	Analisis sebab-akibat Granger bagi Pulau Pinang	226
Jadual 6.8	Ujian kointegrasi Johansen bagi negeri Johor	227
Jadual 6.9	Model Pembetulan Ralat bagi negeri Johor	228
Jadual 6.10	Analisis sebab-akibat Granger bagi negeri Johor	229
Jadual 6.11	Ujian kointegrasi Johansen bagi negeri Perak	230
Jadual 6.12	Model Pembetulan Ralat bagi negeri Perak	231
Jadual 6.13	Analisis sebab-akibat Granger bagi negeri Perak	232
Jadual 6.14	Ujian kointegrasi Johansen bagi Negeri Sembilan	233
Jadual 6.15	Model Pembetulan Ralat bagi Negeri Sembilan	234
Jadual 6.16	Analisis sebab-akibat Granger bagi Negeri Sembilan	235
Jadual 6.17	Ujian kointegrasi Johansen bagi negeri Melaka	236
Jadual 6.18	Model Pembetulan Ralat bagi negeri Melaka	237
Jadual 6.19	Analisis sebab-akibat Granger bagi negeri Melaka	238
Jadual 6.20	Keputusan analisis penguraian varians bagi kumpulan negeri lebih maju	239
Jadual 6.21	Ujian kointegrasi Johansen bagi negeri Sabah	242
Jadual 6.22	Bilangan hubungan kointegrasi bagi negeri Sabah	242
Jadual 6.23	Model Pembetulan Ralat bagi negeri Sabah	243

Jadual 6.24	Analisis sebab-akibat Granger bagi negeri Sabah	244
Jadual 6.25	Ujian kointegrasi Johansen bagi negeri Sarawak	246
Jadual 6.26	Model Pembetulan Ralat bagi negeri Sarawak	246
Jadual 6.27	Analisis sebab-akibat Granger bagi negeri Sarawak	247
Jadual 6.28	Ujian kointegrasi Johansen bagi negeri Terengganu	248
Jadual 6.29	Bilangan hubungan kointegrasi bagi negeri Terengganu	248
Jadual 6.30	Model Pembetulan Ralat bagi negeri Terengganu	249
Jadual 6.31	Analisis sebab-akibat Granger bagi negeri Terengganu	250
Jadual 6.32	Ujian kointegrasi Johansen bagi negeri Pahang	251
Jadual 6.33	Model Pembetulan Ralat bagi negeri Pahang	252
Jadual 6.34	Analisis sebab-akibat Granger bagi negeri Pahang	253
Jadual 6.35	Ujian kointegrasi Johansen bagi negeri Kedah	254
Jadual 6.36	Model Pembetulan Ralat bagi negeri Kedah	255
Jadual 6.37	Analisis sebab-akibat Granger bagi negeri Kedah	256
Jadual 6.38	Ujian kointegrasi Johansen bagi negeri Kelantan	257
Jadual 6.39	Bilangan hubungan kointegrasi bagi negeri Kelantan	257
Jadual 6.40	Analisis VAR bagi negeri Kelantan	258
Jadual 6.41	Analisis sebab-akibat Granger bagi negeri Kelantan	259
Jadual 6.42	Ujian kointegrasi Johansen bagi negeri Perlis	260
Jadual 6.43	Model Pembetulan Ralat bagi negeri Perlis	260
Jadual 6.44	Analisis sebab-akibat Granger bagi negeri Perlis	261
Jadual 6.45	Analisis penguraian varians bagi kumpulan negeri kurang maju	263
Jadual 7.1	Model Kesan Tetap bagi kumpulan negeri lebih maju dan kumpulan negeri kurang maju	270
Jadual 7.2	Analisis regresi Model Kesan Tetap bagi kumpulan negeri KDNK lebih tinggi dan KDNK lebih rendah	277
Jadual 7.3	Analisis regresi bagi pembolehubah modal manusia menggunakan Model Kesan Tetap	279
Jadual 7.4	Analisis pembolehubah modal manusia bagi kumpulan negeri KDNK lebih tinggi dan KDNK lebih rendah	280
Jadual 7.5	Model Kesan Tetap bagi faktor kesan masa	282
Jadual 7.6	Analisis regresi bagi Model Kesan Rawak	283

## SENARAI RAJAH

Rajah 3.1	KDNK nominal purata dan KDNK per kapita purata (RM juta)	101
Rajah 3.2	KDNK nominal dan KDNK benar (1987 = 100) 1980 -2005 (RM bilion)	103
Rajah 3.3	Pelaburan langsung asing, pelaburan domestik dan jumlah pelaburan (RM bilion)	113
Rajah 3.4	Perbandingan antara FDI dan pelaburan domestik (RM juta)	119
Rajah 5.1(a)	Graf siri masa bagi negeri Selangor: 1980 – 2005 (RM juta)	179
Rajah 5.1(b)	Graf siri masa bagi negeri Pulau Pinang: 1980 – 2005 (RM juta)	180
Rajah 5.1(c)	Graf siri masa bagi negeri Johor: 1980 – 2005 (RM juta)	181
Rajah 5.1(d)	Graf siri masa bagi negeri Perak: 1980 – 2005 (RM juta)	182
Rajah 5.1(e)	Graf siri masa bagi Negeri Sembilan: 1980 – 2005 (RM juta)	183
Rajah 5.1(f)	Graf siri masa bagi negeri Melaka: 1980 – 2005 (RM juta)	184
Rajah 5.1(g)	Graf siri masa bagi negeri Sabah: 1980 – 2005 (RM juta)	185
Rajah 5.1(h)	Graf siri masa bagi negeri Sarawak: 1980 – 2005 (RM juta)	186
Rajah 5.1(i)	Graf siri masa bagi negeri Terengganu: 1980 – 2005 (RM juta)	187
Rajah 5.1(j)	Graf siri masa bagi negeri Pahang: 1980 – 2005 (RM juta)	188
Rajah 5.1(k)	Graf siri masa bagi negeri Kedah: 1980 – 2005 (RM juta)	189
Rajah 5.1(l)	Graf siri masa bagi negeri Kelantan: 1980 – 2005 (RM juta)	190
Rajah 5.1(m)	Graf siri masa bagi negeri Perlis: 1980 – 2005 (RM juta)	191

**IMPAK PELABURAN DAN PERBELANJAAN KERAJAAN  
TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI:  
KAJIAN KES NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA 1980 – 2005**

**Abstrak**

Teori-teori pertumbuhan neo-klasik mengaitkan pertumbuhan ekonomi kepada kewujudan dalam modal dan buruh (Balassa, 1978). Hubungan antara kedua-duanya dapat diringkaskan sebagai nisbah modal-buruh seperti mana dalam model Harrod-Domar. Daripada perspektif makroekonomi Keynesian pula, perbelanjaan kerajaan memainkan peranan penting dalam menentukan tahap pertumbuhan ekonomi. Mengambil kira faktor-faktor tersebut, kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara empirik faktor modal dan perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri (DEV) terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar negeri-negeri di Malaysia antara tahun 1980 hingga 2005. Untuk tujuan ini, modal dibahagikan kepada dua kategori iaitu pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan domestik (DI).

Dalam menganalisis impak ketiga-tiga pembolehubah bebas tersebut terhadap KDNK, dua pendekatan diambil. Pertama, untuk menganalisis impak FDI, DI dan DEV terhadap KDNK benar negeri-negeri secara individu. Kedua, untuk menganalisis impak ketiga-tiga pembolehubah bebas tersebut terhadap KDNK benar antara dua kumpulan negeri, iaitu kumpulan negeri lebih maju dan kumpulan negeri kurang maju berdasarkan pengkelasan yang dibuat dalam Laporan Ekonomi yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Melalui pendekatan kedua, kajian ini akan berupaya menjelaskan pengaruh ketiga-tiga pembolehubah bebas tersebut dalam mencorakkan ketidaksamaan pertumbuhan antara kedua-dua wilayah tersebut. Hubungan ini diuji menggunakan analisis korelasi, analisis regresi, ujian kointegrasi Johansen, dan ujian sebab-akibat Granger. Analisis regresi bagi data panel pula menggunakan kaedah penganggar Model Kesan Tetap dan Model Kesan Rawak.

Keputusan kajian mendapati sepanjang tempoh antara tahun 1980 hingga 2005, negeri Selangor mencatatkan KDNK nominal tertinggi di kalangan semua negeri. Selangor menyumbang kira-kira 20.2% daripada KDNK nominal negara, diikuti negeri Johor (11.1%), Sarawak (8.7%), Pulau Pinang (7.9%), Perak (7.89%) dan Sabah (7.4%). Sebaliknya, negeri Kelantan dan Perlis pula menjadi penyumbang terendah kepada KDNK nominal berbanding negeri-negeri lain. Hasil analisis statistik menunjukkan bahawa semua pembolehubah bebas berhubung positif dan signifikan dengan pertumbuhan KDNK benar bagi kebanyakan negeri-negeri lebih maju. Namun, didapati bahawa FDI dan DI tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pertumbuhan ekonomi bagi kebanyakan negeri kurang maju. Analisis regresi berganda pula menunjukkan semua pembolehubah bebas dapat menjelaskan variasi yang tinggi dalam pertumbuhan KDNK benar bagi negeri-negeri lebih maju. Sebaliknya, nilai  $R^2$  yang rendah bagi negeri-negeri kurang maju menunjukkan ketiga-tiga pembolehubah bebas tidak dapat menjelaskan variasi dalam pertumbuhan KDNK benar, kecuali Sarawak. Keputusan bagi analisis data panel menunjukkan impak semua pembolehubah bebas lebih kuat mempengaruhi pertumbuhan KDNK benar bagi kumpulan negeri lebih maju berbanding kumpulan negeri kurang maju.

# **IMPACT OF INVESTMENT AND GOVERNMENT EXPENDITURE ON ECONOMIC GROWTH: CASE STUDY OF MALAYSIAN STATES 1980 – 2005.**

## **Abstract**

Neo-classical growth theories attributed growth mainly to the availability of capital and labour (Balassa, 1978). The relationship between the two is summarised by the capital-labour ratio as is in the Harrod-Domar model. From the Keynesian macroeconomics perspective, government expenditure plays an important role determining the level of economic growth. Economists were pre-occupied with the role of these three variables – capital, labour and government expenditures – in determining the level of economic growth. Taking this into account, this study is intended to analyse the impact of capital and state government development expenditure (DEV) towards real gross domestic product (GDP) for the Malaysian states from 1980 to 2005. For this purpose, capital is divided into two categories, namely foreign direct investment (FDI) and domestic investment (DI).

In analysing the impact of the three explanatory variables on GDP, two approaches were taken. First, to analyse the impact of FDI, DI and DEV on real state gross domestic product (GDP) for each individual state. Secondly, to analyse the impact of the three explanatory variables on real GDP for the more developed and the less developed states following the classification made by the Economic Reports of the Ministry of Finance. The second approach is useful in explaining the effect of the three explanatory variables on the growth disparity between the two groups of states. The relationship is tested using the correlation analysis, regression analysis, Johansen cointegration test, and Granger causality test. Regression analysis for panel data estimation method used Fixed Effects Model and Random Effects Model.

The result showed that for the period under study, 1980 to 2005, Selangor recorded the highest nominal GDP among states. It contributes approximately 20.2% of the nominal GDP for the country, followed by Johor (11.1%), Sarawak (8.7%), Pulau Pinang (7.9%), Perak (7.89%), and Sabah (7.4%). Otherwise, Kelantan and Perlis were the lowest contributors of nominal GDP to the country when compared to the all other states. The statistical result also indicated that all the independent variables have a significantly positive relationship with real GDP growth for most of the developed states. However, FDI and DI did not have any significantly and positive relationship with economic growth for most of the less developed states. Multiple regression analysis for developed states showed that three independent variables had strong influences on the real GDP growth. Otherwise, low values of  $R^2$  for the less developed states showed that all three independent variables were unable to explain the variation in the real GDP growth, with the exception of Sarawak. The results of panel data analysis showed that the independent variables strongly influenced the real GDP growth of developed states compared to the less developed states.





# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Latar Belakang**

Beberapa kajian empirikal yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu lebih memberi fokus kepada sebab-sebab berlakunya pertumbuhan ekonomi. Secara umum, kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada perbandingan pertumbuhan ekonomi dalam tiga kategori. *Pertama*, perbandingan pertumbuhan ekonomi antara satu negara dengan negara yang lain (cross-national). Misalnya kajian yang dijalankan oleh Barro, 1986, 1991, 1997, 2000; Borensztein, Gregorio, dan Lee, 1998, de Mello, 1997; Levine dan Zervos, 1993; Marwah dan Tavakoli, 2004. *Kedua*, perbandingan pertumbuhan ekonomi antara negeri-negeri atau wilayah-wilayah. Misalnya, Fu (2004), Lin (2000), Lin dan Song (2002), Song, Chu, dan Cao (2000), Zhang dan Zou (1998) mengkaji perbezaan pertumbuhan ekonomi antara wilayah pedalaman dan wilayah pinggir pantai di China, manakala Kalirajan (2004) pula mengkaji perbezaan pertumbuhan antara negeri-negeri di India. Pengkaji-pengkaji lain yang membandingkan pertumbuhan ekonomi antara negeri dan wilayah adalah seperti Brun, Combes, dan Renard, 2002; J. Chen dan Fleisher, 1996, J. Chen dan Fleisher, 1996; Cheng dan Hsu, 1997; Jones, Li, dan Owen, 2003. *Ketiga*, beberapa pengkaji seperti Glaeser & Shapiro, 2001; Glaeser, Sheinkman, & Shleifer, 1995; Lin & Song, 2002; Zhao, C.K.Chan, & Sit, 2003 pula membandingkan perbezaan pertumbuhan ekonomi antara satu bandar raya dengan bandar raya yang lain.

Penyelidikan empirikal ini dijalankan adalah untuk membandingkan pertumbuhan ekonomi dalam kategori kedua, iaitu mengkaji pertumbuhan ekonomi antara negeri-negeri dan wilayah di Malaysia. Buku laporan Rancangan Malaysia (pelbagai tahun) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia (pelbagai tahun) telah membahagikan negeri-negeri di Malaysia kepada dua kumpulan iaitu; kumpulan negeri-negeri lebih maju, dan kumpulan negeri-negeri kurang maju iaitu berdasarkan Indeks Komposit Pembangunan<sup>1</sup> (IKP). Kumpulan negeri-negeri lebih maju terdiri daripada negeri Selangor, Kuala Lumpur<sup>2</sup>, Johor, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan dan Melaka. Kumpulan negeri-negeri kurang maju pula terdiri termasuk negeri Sarawak, Sabah, Terengganu, Pahang, Kedah, Kelantan dan Perlis.

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Corak pembangunan yang menekankan negeri-negeri pantai barat semasa pemerintahan British telah meninggalkan kesan sehingga ke hari ini. Negeri-negeri yang terkaya masih lagi terletak di pantai barat dengan Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menduduki tangga teratas, walaupun Terengganu kini muncul sebagai negeri berpendapatan tertinggi hasil aktiviti pengeluaran minyak. Negeri-negeri di bahagian pantai timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang, manakala Kedah dan Perlis di utara semenanjung Malaysia masih lagi merupakan negeri-negeri termundur. Kemajuan moden pula lebih tertumpu di bahagian barat (Zairon Othman, 1996).

Walaupun jurang perbezaan ini semakin beransur rapat sepanjang tahun 1960-an dan 1970-an dengan adanya usaha-usaha pembangunan yang banyak di negeri-negeri

---

<sup>1</sup> Tahap IKP yang tinggi di negeri tertentu menunjukkan kegiatan ekonomi dan kualiti hidup yang lebih baik.

pantai timur, tetapi sehingga akhir tahun 1970-an ia masih lagi jelas kelihatan (M. Zainudin Salleh & Zulkifli Osman, 1983).

Pada pertengahan tahun 1960-an, Kelantan dan Terengganu paling ketinggalan dengan Keluaran Negara Kasar (KNK) per kapita kurang daripada satu per tiga daripada yang dinikmati oleh Selangor (termasuk Kuala Lumpur) pada masa itu. Menjelang tahun 1980-an, KNK per kapita Terengganu telah meningkat dengan begitu banyak sekali hingga hampir menyamai Selangor, manakala Kelantan masih ketinggalan seperti dulu. Peningkatan Terengganu ini adalah disebabkan oleh jumpaan dan pengusahaan minyak di luar pantainya dan juga kesan perusahaan ini terhadap kegiatan sektor lain. Walau bagaimanapun, keadaan kemiskinan di Terengganu kini pun masih setinggi seperti di Kelantan yang lebih miskin dari segi kewangan dan ekonomi (Faaland, Parkinson, & Rais B. Saniman, 1991).

Salah satu masalah yang dihadapi oleh negara ialah setengah-setengah negeri itu menikmati kemajuan lebih daripada negeri lain, misalnya negeri Selangor (termasuk Kuala Lumpur) adalah hampir lima kali ganda melebihi pendapatan per kapita negeri Kelantan. Ini menunjukkan pembangunan yang tidak seimbang di antara negeri. Kemunduran negeri-negeri atau wilayah-wilayah juga boleh berpunca daripada ketidakseimbangan pembangunan yang telah dijalankan sama ada oleh kerajaan ataupun swasta di wilayah-wilayah ini (Chamhuri Siwar & Surtahman Kastin Hasan, 2005). Masalah ketidakseimbangan pendapatan antara wilayah boleh juga disebabkan oleh ketidakseimbangan dalam struktur ekonomi. Boleh dikatakan seolah-olah terdapatnya hubungan positif antara tahap industrialisasi di sesebuah wilayah dengan tahap pendapatannya (Hasnah Ali, 1989).

---

<sup>2</sup> WP Kuala Lumpur tidak dimasukkan dalam kajian ini.

Menurut Shamsudin Kassim (1984) salah satu daripada masalah serius yang ditunjukkan dalam pembangunan ekonomi Malaysia adalah ketidaksamaan yang ketara wujud antara negeri-negeri. Dalam tahun 1971, Selangor menjadi negeri paling maju dari segi KDNK per kapita, manakala Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan menjadi empat buah negeri termiskin. KDNK per kapita Selangor ialah empat kali ganda lebih besar berbanding Kelantan. Walaupun negeri Terengganu menjadi negeri pengeluar petroleum yang mana mempunyai catatan tertinggi dalam KDNK berbanding kebanyakan negeri-negeri maju seperti Selangor, Johor dan Pulau Pinang tetapi masih mencatat kadar kemiskinan yang tinggi.

Menurut Wilson (1996) pada tahun 1980an, walaupun Terengganu menjadi negeri terkaya secara purata, tetapi negeri ini juga mencatat kadar kemiskinan tertinggi. Secara kasarnya, Terengganu dan Selangor mencatat pendapatan per kapita empat kali ganda berbanding negeri miskin iaitu Kelantan. Malah lebih mengejutkan lagi kadar kemiskinan di Terengganu adalah hampir sama dengan negeri Kelantan yang termiskin dengan Kelantan mencatat 31.6 peratus dan Terengganu 36.1 peratus kadar kemiskinan.

Secara umumnya, ketidakseimbangan pertumbuhan ekonomi antara negeri-negeri di Malaysia adalah disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuk faktor sejarah pemerintahan British yang lebih menekankan negeri-negeri pantai barat. Bagaimanapun terdapat pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan sejak selepas merdeka sehingga sekarang dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan lebih seimbang antara negeri-negeri. Dalam menjayakan hasrat itu, terdapat pelbagai dasar yang telah dan sedang dijalankan oleh kerajaan termasuk pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990) dan Dasar Pembangunan Nasional (1991-

2000) dan Dasar Wawasan Negara (DWN) (2001-2010) adalah penggerak utama ke arah pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan pembangunan seimbang antara wilayah. Antara matlamat utama di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) ialah mengurangkan jurang antara wilayah, iaitu jurang antara kawasan luar bandar dengan bandar, dan jurang antara wilayah kurang membangun dengan yang lebih membangun. Untuk mencapai matlamat tersebut, kerajaan melaksanakan koridor ekonomi seperti koridor Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER), Iskandar Malaysia<sup>3</sup> (Johor), *Sarawak corridor of renewable energy* (SCORE) dan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang dijangka akan memberi kesan secara langsung terhadap pertumbuhan ekonomi di negeri-negeri yang terlibat.

Keperluan modal adalah penting dalam usaha kerajaan mencapai pertumbuhan ekonomi negara yang berterusan. Pelan Induk Perindustrian yang dilaksana pada tahun 1985 merupakan *blueprint* kepada pembangunan perindustrian negara. Kesannya, kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) meningkat dengan begitu cepat khususnya dalam pengeluaran yang berteknologi tinggi oleh syarikat-syarikat multinasional (MNCs). Pada tahun 2006 pelaburan langsung asing di Malaysia berjumlah kira-kira RM20.2 bilion iaitu meningkat sebanyak 13 peratus berbanding tahun 2005 yang berjumlah RM17.9 bilion. Pelaburan domestik pula berjumlah kira-kira RM25.8 bilion berbanding RM13.1 bilion pada tahun 2005. Peningkatan jumlah pelaburan domestik yang besar menunjukkan pertambahan pelabur tempatan dalam sektor pembuatan. Jumlah pelaburan terbesar adalah dalam industri petroleum, diikuti pelaburan dalam industri elektrik dan elektronik, industri kimia dan produk kimia<sup>4</sup>.

---

<sup>3</sup> Sebelum ini dikenali sebagai Wilayah Pembangunan Iskandar

Justeru itu, kajian empirikal ini cuba mengkaji tentang kepentingan pelaburan langsung asing dan pelaburan domestik terhadap pertumbuhan ekonomi negeri-negeri di Malaysia. Peranan kerajaan negeri juga penting dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri-negeri berkenaan. Rubinson (1977) mendapati pertambahan dalam saiz kerajaan (perbelanjaan kerajaan) menunjukkan hubungan positif terhadap pertumbuhan ekonomi terutama di negara-negara kurang membangun. Oleh itu, kajian ini cuba mengkaji impak perbelanjaan pembangunan<sup>5</sup> kerajaan negeri terhadap pertumbuhan ekonomi negeri-negeri berkenaan.

## **1.2 Kepentingan Kajian**

Kajian tentang pertumbuhan ekonomi antara negara-negara yang banyak dijalankan oleh penyelidik terdahulu melihat perbezaan pertumbuhan ekonomi dalam konteks global kerana setiap negara yang berlainan mempunyai ciri-ciri sosio-ekonomi serta mungkin juga suasana politik yang berbeza. Sebaliknya, dalam kajian tentang pertumbuhan ekonomi antara negeri atau wilayah dalam sesebuah negara pula menunjukkan ciri-ciri sosio-ekonomi yang hampir sama antara negeri-negeri atau wilayah berkenaan.

Berdasarkan daripada laporan dan kajian yang dijalankan didapati berlaku pertumbuhan yang tidak seimbang antara negeri-negeri di Malaysia. Negeri-negeri kurang maju seperti Kelantan, Kedah, Perlis dan Pahang mengalami pertumbuhan yang lebih rendah berbanding negeri-negeri lain. Sebaliknya, kajian lepas mendapati negeri-

---

<sup>4</sup> Petikan ucapan Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan disiarkan dalam akhbar Berita Harian, 14 Februari 2007.

<sup>5</sup> Perbelanjaan kerajaan negeri dapat dibahagikan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Kajian ini hanya menumpukan kepada perbelanjaan pembangunan sahaja.

negeri seperti Selangor, Johor, Pulau Pinang dan Perak pula mengalami pertumbuhan yang tinggi berbanding negeri-negeri lain.

Beberapa kajian empirik menunjukkan wujud hubungan yang positif antara perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan ekonomi. Aktiviti kerajaan boleh sama ada secara langsung atau tidak langsung meningkatkan jumlah output melalui interaksi dengan sektor swasta (Kweka & Morrissey, 2000) . Yavas (1998) dalam kajiannya menunjukkan bahawa pertambahan dalam perbelanjaan kerajaan akan meningkatkan output bagi negara-negara membangun. Oleh itu, peranan kerajaan negeri dalam merancang dan melaksanakan program pembangunan ekonomi di negeri masing-masing adalah penting dalam menentukan tahap pertumbuhan ekonomi terus meningkat. Perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri disalurkan mengikut jabatan-jabatan tertentu seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, dan sebagainya. Antara projek-projek penting di bawah perbelanjaan pembangunan negeri ialah pembinaan jalan, saliran, jambatan, pusat pertumbuhan dan lain-lain. Kerajaan negeri perlu menyediakan sejumlah peruntukan pembangunan tertentu dan menarik kemasukan modal ke dalam negeri bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

Tren pelaburan langsung asing dan pelaburan domestik di Malaysia adalah berbeza sepanjang tahun 1980 hingga 2005. Kebanyakan pelaburan langsung asing lebih tertumpu di beberapa negeri lebih maju seperti Selangor, Johor dan Pulau Pinang kerana sektor perkilangan atau pembuatan lebih tertumpu di negeri-negeri ini. Walaupun negeri Kedah dikategorikan ke dalam kumpulan negeri-negeri kurang maju tetapi negeri ini adalah salah sebuah negeri yang menerima kemasukan pelaburan

langsung asing tertinggi, malah lebih tinggi berbanding negeri lebih maju seperti Perak, Melaka dan Negeri Sembilan. Pembukaan Taman Perindustrian Tinggi Kulim (Kulim High Tech) di Kedah telah berjaya menarik kemasukan pelaburan langsung asing ke negeri ini. Tren pelaburan domestik pula agak berbeza berbanding pelaburan langsung asing. Selain negeri Selangor dan Johor, tumpuan pelaburan domestik ialah di negeri-negeri kurang maju seperti Sarawak, Terengganu dan Sabah. Malah negeri Sarawak menerima pelaburan domestik kedua tertinggi selepas Selangor sepanjang tempoh tersebut.

Berdasarkan kajian empirikal yang lalu didapati pembentukan modal melalui pelaburan langsung asing dan pelaburan domestik, serta perbelanjaan kerajaan adalah penting dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri-negeri di Malaysia. Oleh itu kajian ini penting dalam usaha untuk mengenalpasti sama ada pelaburan langsung asing, pelaburan domestik dan perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri dapat memberi impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi di negeri-negeri berkenaan.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenalpasti impak pelaburan langsung asing, pelaburan domestik dan perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri terhadap pertumbuhan ekonomi negeri-negeri secara individu.



Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut;

1. Menilai sejauh manakah impak pelaburan langsung asing, pelaburan domestik, dan perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri terhadap pertumbuhan ekonomi negeri-negeri secara individu; serta
2. Membandingkan impak pelaburan langsung asing, pelaburan domestik dan perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri terhadap pertumbuhan ekonomi antara kumpulan negeri-negeri lebih maju dan kumpulan negeri-negeri kurang maju.

#### **1.4 Soalan Kajian**

Kajian ini akan cuba mencari jawapan kepada soalan kajian yang lebih spesifik, iaitu;

1. Adakah pelaburan langsung asing, pelaburan domestik, dan perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri mempunyai hubungan positif dan signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi negeri-negeri?
2. Sejauh manakah pelaburan langsung asing, pelaburan domestik, dan perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri dapat menjelaskan variasi dalam pertumbuhan ekonomi negeri-negeri?
3. Adakah wujud hubungan jangka panjang antara semua pembolehubah yang dikaji bagi setiap negeri?

4. Adakah wujud hubungan jangka pendek antara semua pembolehubah yang dikaji bagi setiap negeri?
5. Adakah pelaburan langsung asing, pelaburan domestik, dan perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri memberi impak yang lebih besar terhadap pertumbuhan ekonomi bagi kumpulan negeri-negeri lebih maju berbanding kumpulan negeri-negeri kurang maju?
6. Adakah pelaburan langsung asing, pelaburan domestik, dan perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri memberi impak yang lebih besar terhadap pertumbuhan ekonomi bagi kumpulan negeri-negeri KDNK lebih tinggi berbanding kumpulan negeri-negeri KDNK lebih rendah?

Kajian ini juga akan memasukkan pembolehubah modal manusia (human capital) sebagai pembolehubah bebas dalam kajian menggunakan data panel. Tujuannya adalah untuk menentukan sama ada faktor modal manusia mempunyai impak yang berbeza secara signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi antara kumpulan negeri lebih maju dan kumpulan negeri kurang maju. Bagaimanapun pembolehubah modal manusia tidak dimasukkan sebagai pembolehubah bebas dalam kajian pertumbuhan ekonomi negeri-negeri secara individu kerana masalah kekurangan data. Kajian menggunakan pembolehubah modal manusia menggunakan data siri masa antara tahun 1990 hingga 2005 (16 tahun) sahaja.

## 1.5 Hipotesis Kajian

Sejumlah enam hipotesis alternatif dibangun dan diuji berdasarkan soalan kajian adalah seperti berikut;

### a) Perbandingan antara negeri-negeri secara individu;

$H_1$  : Pelaburan langsung asing mempunyai hubungan positif terhadap pertumbuhan ekonomi negeri-negeri secara individu.

$H_2$  : Pelaburan domestik mempunyai hubungan positif terhadap pertumbuhan ekonomi negeri-negeri secara individu.

$H_3$  : Perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri mempunyai hubungan positif terhadap pertumbuhan ekonomi negeri-negeri secara individu.

$H_4$  : Pelaburan langsung asing, pelaburan domestik, dan perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri mempengaruhi secara positif dan signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi negeri-negeri.

$H_5$  : Pelaburan langsung asing, pelaburan domestik, dan perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri mempunyai hubungan jangka panjang dengan pertumbuhan ekonomi negeri-negeri.

$H_6$  : Pelaburan langsung asing, pelaburan domestik, dan perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri mempunyai hubungan jangka pendek dengan pertumbuhan ekonomi negeri-negeri.

**b) Perbandingan antara kumpulan negeri-negeri;**

$H_7$  : Pelaburan langsung asing, pelaburan domestik, dan perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri memberi impak yang berbeza terhadap pertumbuhan ekonomi antara kumpulan negeri-negeri lebih maju dan kumpulan negeri-negeri kurang maju.

$H_8$  : Pelaburan langsung asing, pelaburan domestik, dan perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri memberi impak yang berbeza terhadap pertumbuhan ekonomi antara kumpulan negeri-negeri KDNK lebih tinggi dan kumpulan negeri-negeri KDNK lebih rendah<sup>6</sup>.

**1.6 Konsep/Istilah**

**a) Keluaran Dalam Negeri Kasar**

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) ialah jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran, tetapi belum ditolak peruntukan untuk penggunaan modal tetap. Dengan perkataan lain, KDNK ialah a) jumlah nilai ditambah kasar bagi semua unit residen yang terlibat dalam pengeluaran, b) perbezaan antara output kasar bagi semua pengeluar selepas ditolak input perantara, dan c) nilai ditambah yang dijana untuk mengeluarkan barang-barang dan perkhidmatan. KDNK berasaskan kepada penjumlahan nilai ditambah (atau pengeluaran) adalah hasil tambah perbezaan antara nilai output kasar unit pengeluaran residen (diukur dalam nilai pengeluar) dengan nilai penggunaan perantaraan (diukur dengan nilai pembeli) dan

dicampur duti import. Perbezaan antara output kasar dan penggunaan perantara adalah nilai ditambah (Buletin Perangkaan Bulanan Malaysia, Oktober 2007).

## **b) Pertumbuhan Ekonomi**

Menurut Jackson *et al.* (1999) pertumbuhan ekonomi boleh diukur dengan dua cara iaitu menggunakan KDNK benar dan KDNK benar per kapita. Sebagai contoh, jika kita menumpukan persoalan tentang pengaruh ekonomi wilayah, maka KDNK benar lebih relevan. Bagaimanapun output per kapita lebih sesuai jika kita membuat perbandingan taraf hidup ekonomi antara negara-negara. Menurut Baumol & Blinder (1999) terdapat tiga pengukuran asas bagi pertumbuhan ekonomi iaitu KDNK benar, KDNK per kapita dan produktiviti buruh. Penggunaannya bergantung kepada tujuan. Dalam kajian ini pertumbuhan ekonomi diukur dengan menggunakan KDNK benar di mana tahun 1987 menjadi tahun asas (1987 = 100).

## **c) Pelaburan Langsung Asing**

Pelaburan asing di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu pelaburan langsung asing atau *foreign direct investment* (FDI) dan pelaburan portfolio. Pelaburan langsung asing bermaksud pelaburan modal secara langsung oleh warga asing di Malaysia di mana kebanyakannya dalam bentuk milikan asing sepenuhnya. Walau bagaimanapun terdapat juga firma-firma yang berbentuk usaha sama di antara warga Malaysia dengan pelabur-pelabur asing. Sebaliknya, pelaburan

---

<sup>6</sup> Pembahagian berdasarkan jumlah KDNK nominal purata antara tahun 1980 -2005. Negeri Sarawak dan Sabah dimasukkan ke dalam kumpulan negeri KDNK lebih tinggi, manakala Negeri Sembilan dan Melaka dalam kumpulan negeri KDNK lebih rendah.

asing dalam syarikat-syarikat kawalan tempatan diklasifikasikan sebagai pelaburan portfolio.

**d) Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Negeri**

Perbelanjaan Kerajaan Negeri dapat dibahagikan kepada dua, iaitu perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan mengurus adalah perbelanjaan yang dilakukan oleh kerajaan negeri untuk membiayai kegiatan pentadbiran kerajaan dan memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Perbelanjaan pembangunan adalah perbelanjaan kerajaan negeri untuk menambah infrastruktur dan kemampuan ekonomi untuk mengeluarkan barangan dan perkhidmatan pada masa hadapan. Pembiayaan untuk perbelanjaan pembangunan adalah daripada Akaun Kumpulan Wang Pembangunan (Penyata D1). Perbelanjaan dari Kumpulanwang Pembangunan merangkumi perbelanjaan langsung dari caruman Akaun Hasil negeri, terimaan dari Kerajaan Persekutuan dan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan.

**e) Modal Manusia**

Menurut Hanushek (1996) masalah pengukuran paling sukar berlaku ialah dalam kes modal manusia. Pengukuran yang paling meluas tentang modal manusia adalah dari segi perbezaan kemahiran-kemahiran di kalangan individu. Davenport (1999) telah memperhalusi istilah modal manusia dengan memasukkan elemen-elemen kebolehan, sikap, dan usaha. Kebolehan bermaksud kecekapan dalam melakukan set aktiviti kerja, yang terdiri daripada tiga subkomponen iaitu pengetahuan, kemahiran, dan bakat.

Terdapat dua proksi yang sering digunakan bagi mengukur modal manusia. *Pertama*, kadar atau jumlah pendaftaran masuk pelajar ke sekolah menengah (Levine dan Renelt, 1992). *Kedua*, pencapaian pelajar dalam pendidikan (Barro dan Lee, 1993). Menurut Rahmah Ismail (1996) modal manusia ditakrifkan sebagai ciri-ciri yang dimiliki oleh pekerja yang menyebabkan mereka lebih produktif. Modal manusia dibentuk melalui pelaburan terhadap pendidikan, latihan sebelum bekerja, latihan semasa bekerja, kesihatan, penghijrahan, dan usaha mencari maklumat yang dapat meningkatkan taraf hidup seseorang. Berdasarkan kajian empirikal lepas, modal manusia mempunyai pelbagai konsep dan istilah. Bagaimanapun, dalam kajian ini istilah modal manusia merujuk kepada bilangan pekerja di setiap negeri yang berkelulusan sekurang-kurangnya menengah atas dan tertiar.

## **1.7 Organisasi Kajian**

Tesis ini mengandungi lapan bab. Bab Satu mengandungi pernyataan masalah, kepentingan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian dan konsep/istilah yang digunakan dalam kajian ini. Bab Dua dibahagikan kepada dua bahagian. *Pertama*, sorotan literatur yang menjelaskan kajian empirikal lalu tentang hubungan antara pertumbuhan ekonomi dengan pelaburan, perbelanjaan kerajaan dan modal manusia. *Kedua*, bab ini membincangkan teori-teori lepas berkaitan pertumbuhan ekonomi iaitu Model Harrod-Domar dan Teori Pertumbuhan Neo-Klasik.

Bab Tiga akan menjelaskan konsep-konsep, pengukuran dan penentu-penentu bagi pertumbuhan ekonomi. Bab ini juga akan membincangkan secara khusus tentang pertumbuhan KDNK negeri-negeri di Malaysia, khususnya di negeri Sabah dan Sarawak. Seterusnya, bab ini cuba menerangkan secara ringkas perbelanjaan

pembangunan kerajaan negeri serta sumber kewangan bagi membiayai projek-projek pembangunan tersebut. Akhir sekali, bab ini akan membincangkan kepentingan modal asing kepada pertumbuhan ekonomi negara ASEAN serta pelaburan langsung asing dan pelaburan domestik di Malaysia.

Bab Empat akan membincangkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Ini termasuk teknik-teknik statistik yang digunakan, ujian kepegunan data, diagnosis model serta model ekonometrik kajian. Analisis deskriptif, analisis korelasi dan regresi berganda akan dibincangkan dalam Bab Lima. Bab ini juga menjelaskan plot siri masa bagi data KDNK nominal, pelaburan langsung asing, pelaburan domestik dan perbelanjaan pembangunan kerajaan negeri bagi tiap-tiap negeri secara individu. Keputusan bagi ujian Dickey-Fuller tambahan atau *augmented Dickey-Fuller* (ADF) dan ujian Phillips-Perron (PP) bagi menguji kepegunan data juga dibincangkan dalam bab ini.

Bab Enam akan membincangkan keputusan ujian kointegrasi, ujian model pembetulan ralat atau *error correction model* (ECM), ujian penyebab Granger bagi tiap-tiap negeri secara individu menggunakan data siri masa. Bab Tujuh pula akan membincangkan analisis bagi data panel (pooled data) menggunakan analisis model kesan tetap (fixed effects model). Analisis data panel ini akan membandingkan impak pembolehubah-pembolehubah bebas terhadap pertumbuhan ekonomi bagi kumpulan negeri-negeri seperti berikut; a) perbandingan antara kumpulan negeri-negeri lebih maju dan kumpulan negeri-negeri kurang maju; b) perbandingan antara kumpulan negeri-negeri KDNK lebih tinggi dan kumpulan negeri-negeri KDNK lebih rendah. Selain itu,



pembolehubah bebas iaitu modal manusia akan dimasukkan ke dalam model bagi membandingkan impak pembolehubah ini terhadap kumpulan negeri-negeri tersebut.

Akhir sekali, Bab Lapan akan membincangkan ringkasan daripada penemuan-penemuan kajian dalam Bab Lima, Bab Enam dan Bab Tujuh. Bab ini juga akan menjelaskan implikasi dasar serta cadangan-cadangan bagi kajian akan datang.

## **BAB 2**

### **PENDEKATAN TEORI DAN SOROTAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Perbincangan dalam bab ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian sorotan literatur dan bahagian pendekatan teori berkaitan pertumbuhan ekonomi. Bahagian sorotan literatur menerangkan secara ringkas penemuan-penemuan oleh penyelidik terdahulu tentang hubungan antara pertumbuhan ekonomi dengan pembolehubah penjelas seperti perbelanjaan kerajaan, pelaburan dan modal manusia. Pendekatan teori yang berkaitan dengan pertumbuhan ekonomi yang akan dibincangkan dalam bab ini ialah teori pertumbuhan Neo-Klasik dan Model Harrod-Domar.

#### **2.1 SOROTAN LITERATUR**

##### **2.1.1 Hubungan Perbelanjaan Kerajaan dan Pertumbuhan Ekonomi**

Hubungan antara perbelanjaan kerajaan atau lebih dikenali sebagai saiz perbelanjaan bagi sektor awam dengan pertumbuhan ekonomi menjadi subjek penting untuk analisis dan perbincangan. Kajian terdahulu mendapati hubungan antara perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan ekonomi adalah tidak konsisten. Kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada dua bidang analisis ekonomi iaitu mengkaji impak positif atau negatif perbelanjaan kerajaan terhadap pertumbuhan ekonomi serta

kajian sebab-akibat antara kedua-dua pembolehubah tersebut (Ahsan, Kwan dan Sahni, 1992).

Teori ekonomi menunjukkan dua kesan berbeza daripada pertambahan perbelanjaan kerajaan, iaitu sama ada memberi faedah atau menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Dalam makroekonomi Keynesian, perbelanjaan awam, khususnya perbelanjaan berulang memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi iaitu menerusi kesan pengganda bagi permintaan agregat. Sebaliknya penggunaan kerajaan boleh menyebabkan himpitan keluar (*crowding-out*) pelaburan swasta, mendorong kelembapan ekonomi dalam jangka pendek dan mengurangkan pengumpulan modal dalam jangka panjang. Tegasnya, himpitan keluar menjadi punca kepada defisit fiskal dan memberi kesan kepada kadar faedah (Diamond, 1990).

Menurut Senjur (1996) saiz perbelanjaan awam ditentukan oleh peranan kerajaan atau sektor awam di sesebuah negara. Perbelanjaan kerajaan memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi dalam dua cara, di mana setiap satu daripadanya beroperasi dalam arah yang berlainan. Dari satu sudut, perbelanjaan kerajaan memberi faedah kepada pertumbuhan ekonomi, manakala dari sudut yang lain perbelanjaan kerajaan memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Proses untuk menentukan sama ada perbelanjaan kerajaan memberi kesan positif atau negatif terhadap pertumbuhan ekonomi bergantung kepada *trade-off* antara kedua-dua kesan tersebut.

Perbelanjaan kerajaan selalunya dibiayai oleh cukai-cukai, levi atau melalui pinjaman. Peningkatan dalam cukai dan levi boleh mengurangkan sumber-sumber

sektor swasta. Oleh yang demikian, kesan bersih dari perbelanjaan kerajaan terhadap pertumbuhan ekonomi masih kabur dalam teori, bergantung kepada produktiviti perbelanjaan kerajaan tersebut. Umumnya percaya bahawa sektor kerajaan kurang efisien berbanding sektor swasta. Oleh itu, lebih besar saiz kerajaan memberi petunjuk kepada kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan. Pengagihan dalam perbelanjaan kerajaan boleh juga menjadi penentu kepada pertumbuhan ekonomi. Sebagai contoh, perbelanjaan kerajaan untuk sains dan teknologi boleh membantu pertumbuhan ekonomi, manakala perbelanjaan kerajaan untuk penggunaan boleh membantut pertumbuhan ekonomi (Lin dan Song, 2002).

Penemuan daripada kajian-kajian empirikal yang lalu mendapati perbelanjaan kerajaan atau saiz perbelanjaan sektor awam memberi kesan yang berbeza iaitu sama ada positif atau negatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Menurut model makroekonomi Keynesian konvensional, perbelanjaan kerajaan dianggap sebagai pembolehubah eksogenous dalam mengkaji sumbangan terhadap pertumbuhan ekonomi. Perbelanjaan kerajaan dalam pelbagai aktiviti ekonomi boleh memberi kesan sama ada secara langsung atau tidak langsung terhadap pertumbuhan output, seterusnya memberi impak kepada pertumbuhan.

Mahmoud Wahab (2004) menguji hubungan antara perbelanjaan kerajaan dan KDNK bagi negara-negara OECD antara tahun 1950 hingga 2000 menggunakan Hukum Wagner (Wagner's Law). Analisis menggunakan model pembetulan ralat atau *error correction model* (ECM) yang dijalankan mendapati hubungan jangka panjang antara perbelanjaan kerajaan dan KDNK sebenarnya wujud. Perbelanjaan kerajaan bertindakbalas secara tidak selari terhadap pertumbuhan ekonomi. Asasnya, bila

ekonomi bertambah pada atau melebihi pertumbuhan normal (trend-growth), perbelanjaan kerajaan cenderung meningkat secara tidak anjal. Bagaimanapun apabila pertumbuhan ekonomi perlahan atau dibawah pertumbuhan normal maka pertambahan dalam perbelanjaan kerajaan menurun lebih rendah berbanding kadar pengurangan dalam pertumbuhan ekonomi.

Menurut Kormendi dan Meguire (1985) mendapati wujud hubungan positif antara saiz kerajaan dan pertumbuhan ekonomi. Menurut mereka pertambahan dalam saiz kerajaan menawarkan fungsi jaminan kepada hak swasta dan perbelanjaan awam menggalakkan pelaburan swasta yang menyebabkan pertumbuhan ekonomi. Perbelanjaan kerajaan menyediakan pelaburan untuk barang awam yang boleh meningkatkan persekitaran pelaburan. Aktiviti kerajaan boleh sama ada secara langsung atau tidak langsung meningkatkan jumlah output melalui interaksi dengan sektor swasta. Kesan perbelanjaan awam terhadap pertumbuhan ekonomi bergantung kepada bentuknya (Kweka dan Morrissey, 2000).

Loizides dan Vamvoukas (2005) menggunakan analisis kointegrasi, model pembetulan ralat (ECM), dan ujian sebab-akibat Granger atau *Granger causality* untuk mengkaji hubungan antara saiz perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan KNK per kapita negara Greek, UK dan Ireland. Hasil kajian menunjukkan perbelanjaan awam bagi ketiga-tiga negara adalah penyebab Granger terhadap pertumbuhan ekonomi dalam jangka pendek dan jangka panjang. Kajian terhadap Greek menyokong hipotesis Wagner bahawa peningkatan output adalah disebabkan oleh pertumbuhan dalam perbelanjaan awam.

Tulsidharan (2006) menggunakan ujian kointegrasi dan model pembetulan ralat (ECM) untuk mengkaji hubungan sebab-akibat antara perbelanjaan penggunaan kerajaan dan Keluaran Negara Kasar. Hasil utama kajian beliau mendapati pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi mendorong kepada peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan kerajaan.

Heitger (2001) menjelaskan bahawa pertambahan saiz kerajaan yang disebabkan oleh peningkatan dalam penggunaan boleh mengekang pertumbuhan manakala pertambahan dalam saiz kerajaan tersebut akibat daripada pelaburan kerajaan memberi kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi. Ram (1986) menggunakan data yang terdiri daripada 115 buah negara antara tahun 1960 hingga 1980 untuk mengkaji kesan saiz kerajaan terhadap pertumbuhan ekonomi. Beliau merumuskan bahawa saiz kerajaan atau perbelanjaan awam mempunyai kesan eksternaliti positif terhadap pertumbuhan ekonomi khususnya bagi subsampel negara-negara sedang membangun, manakala jumlah perbelanjaan kerajaan bagi semua negara memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan.

Morley dan Perdikis (2000) menyelidik kesan pertambahan perbelanjaan kerajaan, pelaburan, eksport dan penawaran buruh terhadap pertumbuhan ekonomi di Egypt antara tahun 1955 hingga 1996. Mereka mendapati wujud hubungan positif dan signifikan antara perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan ekonomi, tetapi berlaku hubungan negatif antara eksport dan pertumbuhan ekonomi. Lin (1994) mengkaji hubungan antara saiz kerajaan dan pertumbuhan ekonomi bagi 20 buah negara maju dan 42 buah negara membangun. Hasil kajian beliau mendapati saiz kerajaan memberi

kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi dalam jangka pendek, tetapi tidak memberi kesan dalam jangka panjang.

Kolluri, Panik, dan Mahmoud (2000) pula mengkaji hubungan jangka panjang antara KDNK dan perbelanjaan kerajaan bagi tujuh negara perindustrian utama (G-7) dalam tempoh antara tahun 1960 hingga 1993. Kajian mereka menyokong Hukum Wagner (Wagner's law) iaitu dalam jangka panjang perbelanjaan kerajaan cenderung untuk meningkat pada kadar yang lebih tinggi berbanding pendapatan negara iaitu perbelanjaan kerajaan cenderung untuk anjal pendapatan dalam jangka panjang.

Ghali (1998) mengkaji interaksi antara saiz kerajaan dan pertumbuhan ekonomi menggunakan data bagi 10 negara OECD. Beliau menggunakan lima pembolehubah yang terdiri daripada kadar pertumbuhan KDNK, jumlah perbelanjaan kerajaan, pelaburan, eksport dan import. Hasil kajian mendapati perbelanjaan kerajaan menjadi penyebab Granger kepada pertumbuhan ekonomi di semua negara tersebut.

Barro (1990) dalam analisis keratan rentas yang dijalankan mendapati saiz kerajaan memberi kesan yang signifikan terhadap pertumbuhan KDNK per kapita. Hubungan antara perbelanjaan awam dan pertumbuhan output boleh berlaku dalam kedua-dua arah yang bertentangan iaitu peningkatan dalam cukai mengurangkan kadar pertumbuhan menerusi kesan penghalang (disincentive effects), sebaliknya peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan boleh meningkatkan produktiviti marginal modal yang menggalakkan pertumbuhan.

Devarajan, Swaroop, dan Zou (1996) dalam kajian menggunakan data daripada 43 buah negara membangun menunjukkan bahawa pertambahan dalam perbelanjaan semasa kerajaan memberi kesan positif terhadap pertumbuhan. Mereka merumuskan bahawa kerajaan negara sedang membangun harus memperuntukkan lebih banyak perbelanjaan modal dan mengurangkan perbelanjaan semasa.

Barro (1991) dalam kajiannya ke atas 98 buah negara mendapati wujud hubungan negatif antara kadar pertumbuhan output dan bahagian perbelanjaan penggunaan kerajaan. Bagaimanapun apabila bahagian pelaburan awam diambil kira, beliau mendapati wujud hubungan positif tetapi tak signifikan antara pelaburan awam dan kadar pertumbuhan output. Menurut Barro (1990) perbelanjaan ke atas pelaburan dan aktiviti-aktiviti 'produktif' harus menyumbang secara positif kepada pertumbuhan sedangkan perbelanjaan penggunaan kerajaan dijangka membantutkan pertumbuhan.

Bagaimanapun, hasil kajian yang telah dijalankan penyelidik terdahulu tentang hubungan antara perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan ekonomi menunjukkan keputusan yang tidak konsisten. Misalnya, Landau (1983), Dar dan Sal Amirkhalkhali (2002) mendapati wujud hubungan negatif antara saiz kerajaan<sup>7</sup> dan pertumbuhan ekonomi. Mereka percaya bahawa pengembangan atau pertambahan dalam saiz kerajaan memberi kesan kepada pulangan berkurangan dan perbelanjaan berlebihan (over-expanding) saiz kerajaan akan menyebabkan kesan himpitan untuk pelaburan awam. Tambahan pula, perbelanjaan kerajaan yang tidak efisien boleh menyebabkan herotan dalam peruntukan sumber. Apabila perbelanjaan kerajaan bertambah, kerajaan memerlukan tambahan cukai untuk menyokong perbelanjaannya tetapi kenaikan cukai

---

<sup>7</sup> saiz kerajaan ialah bahagian (share) atau nisbah (ratio) perbelanjaan kerajaan kepada KDNK atau pendapatan negara.